



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**  
**PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : BAHASA KEBANGSAN A**

**KOD KURSUS : MPU2213**

**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAH KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (30 Markah)  
BAHAGIAN C (50 Markah)
  2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
    - i. Kertas Soalan
    - ii. Kertas Jawapan Objektif
    - iii. Buku Jawapan
- 

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **dua puluh (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

**Soalan 1** berdasarkan **Pernyataan 1** di bawah

Syampu Kudu yang diperbuat daripada buah mengkudu mampu menghitamkan rambut yang telah beruban, menghilangkan kelemumur, dan gatal-gatal kulit kepala. Harga syampu ini mampu dibeli oleh semua orang.

**Pernyataan 1**

- (C) 1. Pernyataan 1 di atas merujuk kepada retorik
  - A pemerian.
  - B pemujukan.
  - C penerangan.
  - D pendedahan.
- (C) 2. Yang manakah antara berikut merupakan peringkat perkembangan bahasa Melayu?
  - i. Bahasa Melayu purba.
  - ii. Bahasa Melayu kuno.
  - iii. Bahasa Melayu palsu.
  - iv. Bahasa Melayu terkini.
  - A i dan ii
  - B i dan iii
  - C ii dan iv
  - D iii dan iv
- (C) 3. Proses merangkaikan imbuhan pada kata dasar untuk menerbitkan perkataan yang berlainan makna serta fungsi nahunya ialah proses
  - A penyisipan.
  - B pengimbuhan.
  - C pemajmukan.
  - D penggandaan.

4. Sintaksis ialah kajian tentang

- A** kata.
- B** ayat.
- C** bunyi.
- D** makna.

5. Pilih rujukan kehormat yang salah penggunaannya.

	Gelaran	Panggilan kehormat
<b>A</b>	Bergelar warisan seperti Tengku, Raja, Tunku, Engku, dan Ungku	Yang Mulia
<b>B</b>	Yang Dipertua Negeri	Tuan Yang Berbahagia
<b>C</b>	Ketua Hakim Negara	Yang Amat Arif
<b>D</b>	Mufti	Sahibus-Samahah

6. Pilih pernyataan yang benar tentang bahasa Melayu klasik?

- i. Dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit.
  - ii. Digunakan sebagai lingua franca di Kepulauan Melayu.
  - iii. Bahasa Melayu klasik berkembang di antara abad ke-7 hingga ke-13.
  - iv. Tulisan jawi merupakan sistem tulisan yang terpenting pada zaman bahasa melayu klasik.
- A** i dan ii
  - B** i dan iii
  - C** ii dan iv
  - D** iii dan iv

Kata Bantu + Kata Kerja Tak Transitif + Pelengkap + Keterangan

**Pernyataan 2**

7. Ayat yang manakah menepati rumus **pernyataan 2** di atas?
- A Simon sedang tidur di bilik.  
B Kebanyakannya penduduk di situ masih tinggal di rumah setinggan.  
C Tan Heng hendak mengusahakan perniagaan keluarganya di Muadzam.  
D Ramu telah gagal untuk mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang.
8. Antara yang berikut, yang manakah perbezaan antara bahasa Melayu moden dengan bahasa Melayu klasik?
- Bahasa Melayu klasik banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab dan panjang-panjang, manakala bahasa Melayu moden ringkas, padat, dan tepat.
  - Bahasa Melayu moden menggunakan bahasa Melayu biasa dan pelbagai laras manakala bahasa Melayu klasik lebih bersifat bahasa istana.
  - Bahasa Melayu moden hanya menerima pengaruh bahasa Arab dan Inggeris, manakala bahasa Melayu klasik dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit.
  - Bahasa Melayu moden banyak menggunakan ayat pasif, manakala bahasa Melayu klasik banyak menggunakan ayat aktif.
- A i dan ii  
B i dan iii  
C ii dan iv  
D iii dan iv
9. Sintaksis bermaksud
- A kelainan bahasa mengikut kawasan dan taraf sosial.  
B variasi penggunaan bahasa dan intonasi mengikut konteks.  
C bidang yang mengkaji struktur, pembentukan kata dan golongan kata.  
D satu cabang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat.

10. "Apakah" merupakan contoh untuk

- A** kata tanya.
- B** kata hubung.
- C** kata majmuk.
- D** kata sendi nama.

11. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** dalam senarai pembahagian kata nama?

- i. Kata majmuk.
  - ii. Kata nama am.
  - iii. Kata nama khas.
  - iv. Kata adjektif.
- A** i dan ii
  - B** i dan iii
  - C** i dan iv
  - D** ii dan iv

12. 'Kugiran' adalah akronim untuk

- A** kumpulan girang.
- B** kumpulan gigi rata.
- C** kumpulan gitar rancak.
- D** kumpulan gilang-gemilang.

13. Antara perkataan berikut, manakah yang mengandungi diftong?

- A** Telur.
- B** Tahun.
- C** Pantun.
- D** Pantau.

14. Bidang linguistik yang mengkaji pembinaan ayat dikenali sebagai

- A sintaksis.
- B semantik.
- C etimologi.
- D morfologi.

15. Kenal pasti ayat majmuk gabungan bertentangan.

- A Saya dan Shuib ke sekolah menaiki bas.
- B Zulin menyidai kain sambil mendengar radio.
- C Walaupun dia sakit, tetapi dia tetap hadir ke majlis itu.
- D Fattah ingin melupakan peristiwa pahit serta menyediakan itu.

16. Perkataan yang berikut ini boleh digandakan dengan penggandaan penuh serta penggandaan separa **kecuali**

- A bola.
- B rama.
- C mata.
- D tingkap.

17. Orang ramai yang tinggal di sekitar bandar Segamat \_\_\_\_\_ ke pejabat kami untuk mendapatkan borang membeli rumah murah.

- A bertalu-talu
- B berarak-arak
- C berasak-asak
- D berpusu-pusu

18. Pilih ayat-ayat yang betul.

- i. Kami sekeluarga akan melancong ke Kedah pada cuti ini.
  - ii. Anak sulung Pak Ali diperisterikan dengan gadis sekampungnya.
  - iii. Banyak perbezaan di antara Ramli dan Razali walaupun mereka kembar.
  - iv. Saya sama sekali tidak pernah mencacinya, justeru memuji sikap baiknya itu.
- A i dan ii  
B i dan iii  
C ii dan iii  
D iii dan iv

19. Peribahasa "belum duduk sudah berlunjur" bermaksud

- A membuat kerja sambil lewa dan mengambil masa terlalu lama.
- B menyiapkan sesuatu kerja secara tergopoh-gapah dan tidak sedar.
- C membuat sesuatu kerja yang sepatutnya sebelum sampai masanya lagi.
- D melakukan sesuatu perkara sebelum diarahkan untuk mengerjakannya.

20. Pilih ayat yang **salah** penggunaan kata tanyanya.


- A Di manakah hadiah itu dibeli?
- B Adakah berita yang tersiar itu benar?
- C Siapakah Sufi tidak menghadiri mesyuarat itu?
- D Bilakah abang akan pergi melanjutkan pelajarannya?

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **satu (1)** soalan karangan berpandu.

Tulis sebuah karangan berdasarkan jadual di bawah. Panjang karangan anda tidak lebih daripada **200** patah perkataan.

**FAKTOR-FAKTOR KEMALANGAN JALAN RAYA**

**[30 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan berbentuk esei.

Jawab **satu** soalan sahaja. Panjang esei anda adalah tidak kurang daripada 300 patah perkataan. Tulis jawapan anda di dalam Kertas Jawapan.

- i. Seiring dengan kemajuan negara kita pada masa kini, terdapat pelbagai faktor peningkatan pendapatan di negara kita. Satu daripada faktor tersebut ialah industri pelancongan mampu menjana pendapatan yang lumayan kepada negara. Pada pendapat anda, bincangkan **lima (5)** langkah yang perlu diambil bagi meneruskan serta meningkatkan lagi peranan industri pelancongan dalam ekonomi negara. Tulis rencana anda selengkapnya.
  
- ii. Tabiat membaca dalam kalangan masyarakat kita agak kurang mendapat pendedahan. Keadaan sebegini amat memalukan kerana ia tidak selari dengan pembangunan negara yang semakin maju. Sehubungan dengan itu, semua pihak harus ada tanggungjawab dan berusaha untuk menerapkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk meningkatkan minat membaca dalam kalangan masyarakat usaha kerana untuk membina budaya membaca dalam kalangan masyarakat amat sukar. Sebagai setiausaha program, anda dikehendaki membuat laporan bertulis tentang Majlis Penutupan Rasmi Bulan Membaca peringkat kolej anda. Tulis laporan anda selengkapnya.

**[50 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**